

22/06/2003

`Janganlah perpaduan bermusim'

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta semua ahli Umno supaya benar-benar setia, bersatu dan berpegang kukuh kepada perjuangan parti supaya Umno terus perkasa, sekali gus menjamin kemenangan pada pilihan raya umum akan datang.

Merujuk peringatan Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapan dasarnya bahawa hanya Umno boleh mengalahkan Umno, Abdullah berkata, kekuatan parti akan terhakis jika ahlinya mementingkan diri dan setia kepada individu, bukan kepada parti.

Justeru, kata Timbalan Presiden Umno, semua ahli parti perlu menerima dan melaksanakan setiap ketetapan yang diputuskan kepemimpinan parti, termasuk menyokong sesiapa saja yang dipilih sebagai calon bagi menjamin kemenangan mereka.

"Marilah kita sama-sama berikrar, sama-sama berjanji adanya persamaan suara yang kita lafazkan di bibir dengan suara yang kita bisikan di hati.

"Janganlah perpaduan sesama kita ini sekadar perpaduan bermusim. Janganlah kesetiaan kepada parti dipengaruhi oleh kesetiaan kepada individu. Setiap ahli kita yang tewas membawa kesan melemahkan kedudukan kita," katanya menggulung perbincangan pada akhir Perhimpunan Agung ke-54 semalam yang beliau harap akan diingati sebagai Persidangan Perpaduan Umno.

Menyentuh isu agama, Abdullah berkata, Umno sudah memperkenalkan dimensi Islam yang progresif dan dinamik sejak merdeka bagi memartabatkan ummah menerusi pembangunan Islam hadzari.

Malangnya, kata Timbalan Perdana Menteri, wadah perjuangan Umno itu di lambatkan Pas yang masih mengikut klasifikasi penjajah British yang menjurus kepada tafsiran sempit dan sering kali menyimpang.

"Pas membawa nilai yang meruntuhkan akhlak dan keperibadian bangsa. Pas menggalakkan perpecahan yang amat bertentangan dengan seruan Islam sebagai agama perpaduan dan agama penyatuan," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, pemimpin dan ahli Pas kini semakin angkuh dan bongkak sehingga mereka sukar mengakui kelemahan dan kesalahan, apa lagi memohon maaf.

Beliau berkata, ketelanjangan Pas melakukan kesalahan sesama umat Islam sudah tiada batasannya dengan beliau sendiri serta Dr Mahathir turut dicela, termasuk disamakan dengan gembala babi dan rupa babi.

"Harakah digunakan sebagai medan menyebarkan fitnah dan melakukan pembongkaran. Kerajaan mempunyai kuasa jika akhbar itu mahu dibatalkan kelulusannya.

"Namun kita lebih percaya kepada ketentuan Allah. Bahawa pembalasan Allah kepada kezaliman dan penganiayaan yang dilakukan Pas mencemar dan memburukkan umat Islam lain adalah lebih berkesan," katanya sambil menggesa ahli dan pemimpin Pas bertaubat.

Abdullah yang bakal menggantikan Dr Mahathir sebagai Presiden dan Perdana Menteri pada Oktober depan turut mengambil kesempatan mengucapkan penghargaan beliau dan Umno kepada Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, serta keluarga mereka.

Sambil menyifatkan Dr Mahathir sebagai nakhoda arif yang berjaya mengemudi Umno mengharungi pelbagai gelombang cabaran, beliau berkata, rakyat dan negara sudah melalui proses transformasi yang amat ketara selama 22 tahun di bawah kepimpinan Perdana Menteri.

"Beliau lambang pemimpin gigih, berani, tegas dan tekun. Beliau adalah potret dan wajah negarawan terbilang, celik hati, celik minda.

"Sesungguhnya negara dan bangsa amat bersyukur dianugerahkan seorang pemimpin yang bertaraf negarawan terbilang. Wira bangsa, wira negara, itulah Mahathir Mohamad," katanya sambil disambut tepukan gemuruh oleh semua perwakilan yang berdiri sebagai tanda penghormatan kepada Dr Mahathir.

Abdullah yang mengumumkan penerimaan cadangan penubuhan Institut Pemikiran Mahathir juga menyatakan permohonan maaf beliau serta Umno kepada Dr Mahathir terhadap segala perbuatan yang menyentuh hati.

"Bagi pihak ahli parti dan Majlis Tertinggi dan bagi pihak Endon dan diri saya sendiri, saya memohon maaf kepada Dr Mahathir dan Kak Hasmah atas apa juga perkara yang telah meluka dan mengecilkan hati mereka," katanya

Abdullah mengakhiri ucapannya dengan sekali lagi menghargai kepercayaan yang diberikan Dr Mahathir kepadanya bagi menerajui Umno dan kerajaan kelak.

Katanya, beliau terharu apabila Dr Mahathir menyampaikan naskhah Ucapan Dasar Presiden yang ditandatangani beliau dengan kata-kata "May Allah bless you when you take over" selepas selesai berucap.

"Dr Mahathir mendoakan agar Allah SWT merahmati saya apabila saya mengambil alih nanti. Terima kasih Datuk Seri," katanya sambil mengumumkan bahawa Dr Mahathir sudah memberi komitmen untuk terus membantu beliau dan Umno pada bila-bila masa selepas bersara kelak.

(END)